

## Wanita Sabah dan UMS FC menang, lelaki tewas

Oleh **VITALIS G BINGKASAN**  
*vbingkasan@yahoo.com*

**KOTA KINABALU:** Pasukan wanita memulakan cabaran dengan langkah kanan manakala lelaki sebaliknya pada Kejohanan Liga Futsal Kebangsaan Felda/FAM 2010 di Shah Alam kelmarin.

Pasukan wanita Sabah yang memulakan cabaran mengalahkan Johor 4-2 dan UMS FC menjejaknya dengan kemenangan 3-2 ke atas Johor Melodi Jaya.

Rozeini Dusileh muncul wirawati bagi pasukan wanita Sabah dengan sumbangan dua gol manakala dua gol lagi dijaringkan Leonie Vitus dan Cynthia Paulin. Sabah mendahului 2-1 pada separuh

masa pertama.

Shereilynn Elly Pius pula menjadi wirawati UMS FC dengan sumbangan dua gol sementara satu gol lagi dijaringkan Haindee Mosroh.

UMS FC mendahului 3-0 pada separuh masa pertama.

Pasukan lelaki pula telah memberi yang terbaik tetapi akhirnya akur dengan kekalahan 1-2 ditangan Selangor PKNS.

Sabah ketinggalan 0-1 pada separuh masa pertama tetapi bangkit untuk menyamakan kedudukan menerusi Mohd Firdaus Yahya selepas rehat tetapi dikecewakan jaringan kemenangan lawan beberapa minit sebelum permainan tamat.

Permulaan baik pasukan wanita

tersebut bagaimanapun mungkin terganggu apabila kedua-duanya saling bertemu hari ini.

Pasukan lelaki pula akan meneruskan cabaran menentang Pulau Pinang.

Jadual perlawanan berikutnya pasukan-pasukan dari Sabah tersebut adalah pada 25 dan 26 September juga di Shah Alam, 16 dan 17 Oktober di Melaka serta 13 November di Shah Alam.

Pasukan lelaki Sabah diletakkan dalam Kumpulan A bersama KL Figos, Pulau Pinang, Kelantan, PKNS Selangor, Perak KB Batang Padang-Beemer, Felda dan Selangor. KL Figos merupakan penyandang gelaran juara kejohanan itu musim lalu.

Pasukan wanita Sabah dan UMS FC

pula diletakkan dalam Kumpulan B bersama pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Selangor MPSJ, Johor Melodi Jaya, Johor, Selangor MBPJ dan KL Putra Ria. PDRM merupakan naib juara musim lalu.

Pasukan akan bertarung secara liga satu pusingan pada peringkat kumpulan bagi menentukan empat pasukan teratas dari setiap kumpulan mara ke pusingan akhir dijadualkan berlangsung di Shah Alam pada 27-28 November.

Saingan liga peringkat kumpulan menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 untuk juara manakala juara di pusingan akhir menerima ganjaran RM40,000.

Ketiga-tiga pasukan Sabah itu mensasarkan tempat ke pusingan akhir.